



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (1 MAC 2021) - Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal menzahirkan kebimbangan dengan laporan media bertarikh 26 Februari 2021 bahawa 1,086 rakyat Myanmar, termasuk kanak-kanak dan pemegang kad UNHCR telah diusir ke negara asal mereka oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Laporan tersebut diketengahkan oleh satu gabungan organisasi hak asasi manusia antarabangsa dan dilaporkan bahawa sekurang-kurangnya dua kanak-kanak yang dihantar pulang telah dipisahkan daripada keluarga mereka yang mencari suaka di Malaysia.

Selaras dengan Perkara 9 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Negara-Negara Pihak hendaklah memastikan bahawa seseorang kanak-kanak itu tidak dipisahkan daripada ibu bapanya tanpa kerelaannya. Pesuruhjaya Kanak-Kanak berpandangan bahawa memisahkan kanak-kanak tersebut daripada ibu bapa mereka yang masih berada di Malaysia adalah pelanggaran terhadap hak kanak-kanak di bawah CRC. Perkara 22 dari Konvensyen yang sama juga menyatakan bahawa Negara-Negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa seseorang kanak-kanak yang memohon taraf pelarian atau yang dianggap pelarian mengikut undang-undang dan tatacara antarabangsa atau domestik yang terpakai hendaklah sama ada tidak ditemani atau ditemani oleh ibu bapanya atau mana-mana orang lain, menerima perlindungan yang sewajarnya dan bantuan kemanusiaan dalam menikmati hak-hak yang terpakai yang dinyatakan dalam CRC ini.

Malaysia bertanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak yang mencari perlindungan atas dasar kemanusiaan dan adalah tidak wajar mengusir mereka kembali ke negara asal di mana mereka mungkin bakal berdepan dengan keganasan dan penganiayaan. Keputusan pengusiran ini juga bertentangan dengan Perintah Mahkamah Tinggi dan jika pengusiran tersebut sememangnya perlu, Kerajaan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan perjalanan mereka.

Pesuruhjaya Kanak-Kanak menggesa Kerajaan untuk segera memberikan UNHCR akses tanpa sekatan ke semua tempat tahanan imigresen untuk menyasat insiden pengusiran 1,086 pelarian tersebut. Semua kanak-kanak, sama ada mereka pelarian atau tanpa dokumen adalah mangsa keadaan dan oleh yang demikian, mereka tidak seharusnya dilayan seperti penjenayah dan hak-hak mereka perlu dihormati. Program Alternatif untuk Penahanan (ATD) hendaklah dilaksanakan kerana kanak-kanak ini tidak sewajarnya ditahan di depot tahanan imigresen tetapi tinggal bersama keluarga pelihara atau di tempat perlindungan kanak-kanak.

-TAMAT-

Professor Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Pesuruhjaya Kanak-Kanak
1 Mac 2021

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my